Perihal Sujud Syahwi Yang Benar

http://fiqh-sunnah.blogspot.com

Sujud syahwi adalah nama bagi 'dua sujud' yang dilakukan oleh seseorang yang bersolat, untuk menutup kekurangan yang terjadi ketika solat disebabkan terlupa. (*Muhammad bin Shalih al-'Uthaimin, Risalah Sujud Syahwi, Majalah as-Sunnah, Edisi 12/VII/1424H/2004M, m.s. 41*)

Menurut Sayyid Sabiq rahimahullah:

Sujud syahwi dilakukan dengan dua kali sujud sebelum atau sesudah salam oleh seseorang yang sedang bersolat. Kedua-dua cara ini memang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. (*Sayyid Sabiq, Fiqh Sunnah, jld. 2, m.s. 98*)

Perlaksanaan sujud syahwi adalah atas beberapa sebab seperti berikut:
------

1 – Penambahan gerakan (al-Ziyadah). Misalnya seseorang menambah jumlah rukuk, sujud, berdiri atau duduknya.

2 – Pengurangan (Naqs). Misalnya seseorang kurang dalam melaksanakan rukun atau hal yang wajib dalam solat.

3 – Mengalami keraguan (syak). Misalnya dia ragu-ragu tentang jumlah rakaat solat samaada tiga atau empat. (*Muhammad bin Shalih al-'Uthaimin, Majmu' Fatawa: Bab Ibadah, m.s. 382*)

Sujud syahwi hanya disyariatkan ke atas kekurangan atau penambahan yang berlaku di dalam solat secara tidak sengaja.

Jika solat seseorang terlebih atau terkurang, maka hendaklah dia sujud dua kali. (*Sahih Muslim, Hadis no.: 572*)

------
1 - Tatacara Sujud Syahwi Ketika Berlaku Penambahan Di Dalam Solat (al-Ziyadah)

Apabila kita tersedar bahawa dalam solat kita, samaada ketika bersolat (masih dalam solat) atau sesudah selesai mengerjakannya (selepas salam), ada tertambah sesuatu seperti jumlah rakaat, sujud, duduk antara dua sujud, dan lain-lain, maka hendaklah sujud syahwi dilakukan **selepas salam**.

Sebagai contoh, andainya sesorang yang sedang bersolat maghrib tersedar yang dia telah melakukan empat rakaat dalam solatnya itu (berlaku penambahan rakaat) dan masih di dalam solatnya, maka hendaklah dia sempurnakan solatnya seperti biasa sehingga salam. Dan setelah itu (sesudah salam) dia perlu lakukan sujud syahwi (dengan dua sujud) lalu memberi salam sekali lagi.

Sekiranya pada rakaat keempat tersebut baru dia tersedar bahawa solat maghrib sepatutnya hanya tiga rakaat, maka dia harus duduk ketika itu juga untuk menyelesaikan (mengerjakan) tasyahhud akhir dan kemudiannya memberi salam. Dan sesudah saja salam, terus lakukan sujud syahwinya.

Andainya dia hanya teringat setelah memberi salam, maka dia perlu melakukan sujud syahwi dengan serta merta (ketika menyedarinya) lalu memberi salam.

Diriwayatkan dri Abdullah Ibnu Mas'ud r.a.:

Pada suatu ketika Nabi s.a.w. bersolat Zuhur lima rakaat, lalu ditanya: Apakah rakaat solat ini memang telah ditambah? Baginda bertanya: Mengapa demikian? Para sahabat menjawab: Anda telah melakukan solat lima rakaat. Maka baginda pun sujud dua kali setelah memberi salam itu. (*Sahih al-Bukhari, Hadis no.: 1226*)

Daripada hadis ini, jelas menunjukkan jika kita tertambah sesuatu di dalam solat tidaklah perlu diulangi solat tersebut, tetapi cukup dengan melakukan sujud syahwi.

Termasuk dalam hal ini (al-Ziyadah) adalah memberi salam sebelum sempurna solatnya. Contohnya, ketika seseorang sedang bersolat Asar lalu pada rakaat yang kedua dia telah melakukan tasyahhud akhir dan memberi salam untuk mengakhiri solatnya. Dalam hal ini, penambahan (al-ziyadah) adalah pada perbuatan menambah salam sebelum masanya. Andainya, dia menyedari hal permasalahan tersebut setelah berada pada sela masa yang lama (setelah mengakhiri solatnya) maka dia harus mengulangi semula solatnya. Namun, jika hanya beberapa ketika setelah memberikan salam, maka dia hanya perlu menyempurnakan baki solatnya itu lalu memberi salam. Dan kemudiannya terus melakukan sujud syahwi dan salam sekali lagi.

Daripada Abu hurairah r.a.:

Rasulullah s.a.w. solat bersama kami pada salah satu waktu solat di siang hari (Asar atau Zuhur), ternyata baginda hanya solat dua rakaat sahaja dan terus memberi salam. Baginda lalu pergi ke sebuah kayu yang terbelintang di masjid lalu berteleku di atasnya seolah-olah sedang marah. Tangan kanannya diletakkan di atas tangan kirinya sambil menggenggam jari-jarinya, sedang pipinya diletakkan di atas telapak kirinya bahagian luar. Kemudian ada yang segera keluar dari pintu-pintu masjid sambil mengatakan: "Solat telah diqasarkan (dipendekkan)". Di antara orang ramai itu terdapat pula abu Bakar dan Umar. Keduanya malu untuk bertanyakan akan hal itu. Kebetulan di antara mereka terdapat pula seorang lelaki bernama Dzulyadain, yang bertanya:

"Ya Rasulullah, apakah anda lupa atau solat tadi memang diqasarkan?" Baginda bersabda: "Saya tidak lupa dan solat tadi tidak pula diqasarkan." Maka Rasulullah bertanya kepada para sahabat: "Apakah benar yang dikatakan oleh Dzulyadain?" Para sahabat menjawab: "Benar." Maka baginda pun menuju kembali ke tempatnya semula dan menyempurnakan baki rakaatnya, kemudian memberi salam. Sehabis salam itu baginda bertakbir, sujud sebagaimana sujud biasa atau agak panjang sedikit, lalu mengangkat kepala dan takbir. Seterusnya baginda takbir lagi lalu sujud biasa atau agak lebih lama, kemudian mengangkat kepalanya kembali. (*Sahih al-Bukhari, Hadis no.: 482*)

------

2 - Tatacara Sujud Syahwi Ketika Terdapat Pengurangan Dalam solat

------

Sekiranya di dalam solat kita terdapat kekurangan secara tidak sengaja di dalam perkara yang rukun ataupun fardhu maka sujud syahwinya dilakukan **sebelum**

salam. Contohnya apabila seseorang itu tertinggal tasyahhud awal dan terus bangun untuk meneruskan rakaat yang ketiga, maka dia tidak perlu untuk duduk kembali untuk mengerjakan tasyahhud awal tersebut. Dia hanya perlu meneruskan solatnya dan kemudian selepas tasyahhud akhir dan sebelum salam, hendaklah dia melaksanakan sujud syahwi. Sekiranya dia teringat bahawa dia lupa membaca tasyahhud awal ketika dia belum bangkit untuk berdiri ke rakaat ketiga secara sempurna, maka bolehlah dia duduk semula untuk mengerjakan tasyahhud awal tersebut.

Daripada Abdullah bin Buhainah r.a.:

Bahawasanya Nabi s.a.w. solat zuhur bersama mereka. Baginda bangkit pada rakaat kedua dan tidak duduk (maksudnya, tidak melakukan tasyahhud awal), para makmum pun ikut berdiri bersama Baginda hingga ketika hendak selesai solat, sedang makmum menunggu salamnya, Baginda bertakbir dalam posisi duduk lalu sujud dua kali sebelum salam, kemudian baru salam. (Sahih al-Bukhari, Hadis no.: 829)

Mughirah bin Syu'ban r.a. pula berkata:

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila salah seorang di antaramu berdiri dari rakaat kedua dan belum sempurna berdirinya maka hendaklah dia duduk kembali, dan apabila telah sempurna berdirinya maka janganlah dia duduk dan hendaklah dia sujud dua kali. (*Sahih Sunan Ibn Majah, Hadis no.: 1208, dinilai sahih oleh al-albani*)

------

3 - Tatacara sujud Syahwi Ketika Berlaku Keraguan Dalam solat

------

Keraguan atau syak menurut Muhammad bin Shalih al-'Uthaimin rahmahullah: **"Syak (ragu-ragu) adalah kebimbangan di antara dua hal tentang yang mana sebenarnya telah dilakukan."** (*Muhammad bin Shalih al-'Uthaimin, Prostration For ForgetfullnessIn The Prayer, (edisi Bahasa Inggeris diterjemah oleh abu Talhah Dawood), m.s. 11*)

Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a.:

Dan apabila salah seorang dari kalian ragu dalam solatnya, maka hendaklah dia memilih yang benar (menurut keyakinannya), lalu hendaklah dia menyempurnakan solatnya lalu salam, kemudian sujud dua kali. (*Sahih al-Bukhari, Hadis no.: 401*)

Daripada Abdurrahman bin 'Auf r.a., daripada Rasulullah s.a.w.:

Jika salah seorang di antara kalian ragu dalam solatnya, sehingga dia tidak tahu, apakah baru satu rakaat atau sudah dua rakaat, maka baiklah ditetapkannya sebagai satu rakaat sahaja. Jika dia tak tahu apakah dua atau sudah tiga rakaat, baiklah ditetapkannya dua rakaat. Dan jika tidak tahu apakah tiga ataukah sudah empat rakaat, baiklah ditetapkannya tiga rakaat, kemudian hendaklah dia sujud bila selesai solat di waktu masih duduk (selepas tasyahhud akhir) sebelum memberi salam, iaitu sujud syahwi sebanyak dua kali. (*Musnad Ahmad, Hadis no.: 1656, & Sahih Ibn Hibban, Hadis no.: 2663, dihasankan (hasan lighairihi) oleh Syu'aib al-Arna'uth*)

Bacaan Dalam Sujud Syahwi:

Jika diteliti hadis-hadis Rasulullah s.a.w. berkaitan sujud syahwi, ternyata Baginda s.a.w. tidak pernah menunjukkan (mengajarkan) bacaan khusus yang pelu dibaca ketika sujud (syahwi) ini. Maka, bacaan-nya adalah sama sepertimana bacaan di dalam sujud solat seperti biasa.

Namun, di dalam masyarakat kita mereka selalunya mengamalkan bacaan seperti ini:

"Subhaana man laayanaamu walaa yashuu" yang membawa maksud, "Maha suci Tuhan yang Tidak Tidur dan Tidak Lupa".

Sebenarnya, bacaan ini bukanlah dari sunnah Nabi s.a.w. dan tidak pula pernah diamalkan oleh para sahabat dan seluruh ulama salaf al-Ummah termasuk imam-imam mazhab yang empat.

Malahan menurut Muhammad Abdussalam Khadr al-Syaqiry rahimahullah:

Tidak pernah diriwayatkan sesuatu doa yang khusus untuk sujud syahwi daripada Rasulullah s.a.w. Doa yang dibacanya adalah sama seperti doa yang dibaca ketika sujud biasa. Adapun pendapat yang mengatakan bahawa bacaan saat sujud syahwi adalah "Subhaana man laayanaamu walaa yashuu" adalah tidak benar kerana ianya tidak pernah diamalkan oleh Nabi s.a.w. mahupun para sahabatnya. Tiada dalil yang yang tsabit berasal dari sunnah yang menunjukkan bacaan ini. Doa itu sebenarnya adalah doa yang diperolehi dari mimpi sebahagian kaum sufi. Oleh kerana itulah, jangan mengerjakan doa tersebut. Ambillah urusan agamamu dari kitab-kitab hadis yang sahih. (*Muhammad Abdussalam Khadr al-Syaqiry, Bid'ah-Bid'ah Yang dianggap Sunnah (edisi terjemahan oleh Ahmad Munir awood Badjeber & Sulaiman, Qisthi Press, Jakarta, 2004), m.s. 76-77*)

Dan al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani pula berkata dalam Kitab al-Talkhis tentang doa tersebut katanya: "Aku tidak pernah menemui asal usul (sanad) bacaan ini."

Imam Nawawi r.h. berkata:

Sujud syahwi dilakukan dua kali dan dipisahkan antara kedua-duanya dengan duduk istirasy (duduk antara dua sujud). Sebelum salam, dia hendaklah duduk tawarruk (duduk tahiyyah akhir). Cara sujud dan bacaannya adalah sama seperti sujud dalam solat fardhu. *(Kitab al-Majmu', jil. 4, m/s. 72)*

Maka sesungguhnya sebaik-baik ucapan adalah Kitabullah (al-qur'an) dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad (al-Sunnah), serta seburuk-buruk perkara adalah yang diada-adakan dan setiap yang diada-adakan (bid'ah) adalah sesat (tidak benat). (*Sahih Muslim, Hadis no.: 867*)

Bacaan Ketika Duduk Di Antara Dua Sujud

Bacaan yang di baca diantara 2 sujud syahwi menurut Syeikh Ibn Utsaimin Rahimahullah adalah:-

رب اغفـر لــي

"Rabbhig firli" - Ya Allah ampunkan dosaku. [al-Sharh al-Mumthi', 1/646, Dar al-Ansar, 2003]